

## BAHAGIAN A

(50 markah)

Jawab mana-mana *lima* soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Gambar di bawah berkaitan dengan suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan di atas. (6 markah)

- (b) Maklumat berikut merupakan perbualan antara dua orang rakan mengenai pekerjaan masing-masing.

Azam : Sudah lama saya tidak berjumpa dengan kamu Shafik. Sekarang kamu bekerja di mana?

Shafik: Gembira dapat berjumpa dengan kamu hari ini. Sekarang saya bekerja di sebuah kilang membuat topeng muka. Bagaimana pula dengan kamu Azam?

Azam: Sekarang saya mengajar di sebuah sekolah menengah di Miri Sarawak.

Terangkan sektor perniagaan yang terlibat dalam situasi di atas. (4 markah)

2. (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan.

Puan Chin dan Puan Sita menjalankan perniagaan pengeluaran makanan segera semenjak lima tahun yang lalu di kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Johor. Pada awal perniagaan, mereka memasarkan produk di pasar raya di sekitar Pasir Gudang sahaja. Setelah lima tahun beroperasi aktiviti dan operasi perniagaan mereka semakin maju dan keuntungan semakin meningkat.

(i) Jelaskan jenis trend persekitaran di atas. (3 markah)

(ii) Nyatakan 3 faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran di 2(a)(i). (3 markah)

(b) Terangkan dua gaya pengurusan yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan. (4 markah)

3. Berikut ialah butiran mengenai perniagaan Butik Salsabila


<h1>BOTIK SALSABILA</h1>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Mengamalkan konsep “Pelanggan ialah tetamu VVIP” agar dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.</li><li>- Butik Salsabila menggunakan laman sosial seperti facebook, instgram dan twitter untuk mempromosikan perniagaan mereka</li></ul>
--------------------------	---

(a) Nyatakan dua fungsian yang bertanggungjawab untuk pernyataan di atas? (2 markah)

(b) Jelaskan peranan bahagian fungsian di 3 (a). (4 markah)

(c) Mengapakah Butik Salsabila memilih penggunaan teknologi maklumat untuk mempromosikan perniagaan mereka? (4 markah)

4. Rajah di bawah berkaitan dengan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.



- (a) Jelaskan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan bagi A, B dan C. (6 markah)  
(b) Huraikan dua pihak yang berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan. (4 markah)

5. Gambar di bawah menunjukkan jawatan baharu yang akan diperkenalkan oleh Syarikat Mesra Alam Sdn Bhd.



- (a) Terangkan tiga aspek pengelolaan sumber manusia yang boleh dilaksanakan oleh Syarikat Mesra Alam Sdn Bhd bagi jawatan tersebut. (6 markah)  
(b) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis aset perniagaan.



Berdasarkan gambar di atas, huraikan prosedur menguruskan sumber fizikal tersebut. (4 markah)

6. (a) Terangkan kekuatan diri usahawan. (4 markah)  
(b) Jelaskan kepentingan untung untuk sesebuah perniagaan. (2 markah)  
(c) Jelaskan faktor-faktor penentu sistem penggajian dalam setiap organisasi. (4 markah)

## BAHAGIAN B

(30 markah)

Jawab mana-mana *dua* soalan daripada bahagian ini.

7. Rajah di bawah menunjukkan rekod perniagaan bagi Syarikat Maju Jaya Berhad.

<b>Syarikat Maju Jaya Berhad</b>	
<b>Penyata XXXX bagi tahun berakhir 31 Disember 2020</b>	
	RM
Jualan	118 500
Tolak: P	<u>(82 000)</u>
Untung kasar	36 000
Tambah: Q	<u>4200</u>
	40 200
Tolak: R	<u>(24 600)</u>
Untung bersih	<u>15 600</u>

- (a) Nyatakan P, Q dan R. (3 markah)
- (b) Berikan contoh komponen yang sesuai bagi Q dan R. (2 markah)
- (c) Berikan kepentingan menganalisis penyata XXXX bagi sesebuah perniagaan. (4 markah)
- (d) Terangkan jenis-jenis penyata kewangan yang perlu disediakan oleh sesebuah perniagaan. (6 markah)
8. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Muggi Sdn Bhd yang mengeluarkan pelbagai sos masakan di Bandar Hilir, Melaka.

Bilangan Pekerja	Jumlah jualan tahunan	Pasaran	Visi Perniagaan
80 orang	RM20 juta	Johor, Melaka, Pahang	Menjadi pembekal sos halal terkemuka di Malaysia

- (a) Nyatakan dan jelaskan klasifikasi perniagaan Syarikat Muggi Sdn Bhd. (5 markah)
- (b) Bagaimanakah MATRADE dapat membantu Syarikat Muggi Sdn Bhd menembusi pasaran global? (4 markah)
- (c) Terangkan tiga ciri objektif yang boleh membantu meningkatkan jualan sos masakan Syarikat Muggi Sdn Bhd. (6 markah)
9. Maklumat berikut berkaitan dengan situasi di negara S.

Negara S telah mengalami suatu masalah ekonomi yang menjadi semakin serius. Harga barang dan perkhidmatan menurun secara berterusan untuk tempoh dua tahun. Faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku termasuklah faktor permintaan jatuh disebabkan oleh penduduk meramalkan harga barang dan perkhidmatan akan terus jatuh. Pembeli memilih untuk menangguhkan pembelian.

- (a) Apakah masalah ekonomi yang berlaku di negara S. (3 markah)
- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ekonomi dalam negara S. (4 markah)
- (c) Jelaskan kesan masalah ekonomi tersebut terhadap rakyat negara S. (4 markah)
- (d) Bagaimanakah negara S dapat mengatasi masalah ekonomi tersebut. (4 markah)

**BAHAGIAN C**  
**(20 markah)**  
**Soalan ini wajib dijawab.**

**“TAUKE BERAS, BIHUN DAN TEPUNG LULUSAN PMR”**

Encik Razali hanya mempunyai kelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) telah berjaya mencipta kejayaan dengan menjadi pemilik kilang padi, bihun dan pelbagai jenis tepung dengan menggunakan jenama beras Era Mas manakala tepung dan bihun cap Tiga Teratai. Encik Razali merupakan pemilik Syarikat PRM Food & Marketing Sdn Bhd yang beroperasi di kawasan perindustrian Sungai Petani, Kedah. Syarikat beliau bukan sahaja mengeluarkan beras sebanyak 1560 tan sebulan, malahan tiga buah kilangnya yang beroperasi di situ juga turut mengeluarkan pelbagai jenis tepung gandum, tepung pulut, tepung jagung dan tepung ubi. Jualan bersih bagi aktiviti pengeluaran produk adalah seperti berikut:

Tahun	2009	2014	2019
Jualan bersih	RM 7 juta	RM40 juta	RM53 juta

Syarikat beliau merupakan satu-satunya syarikat milik bumiputra yang memulakan perniagaan memproses makanan pada tahun 1996 dengan bantuan modal permulaan sebanyak RM50 000 daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Kini syarikat berjaya mencatat peningkatan dalam rekod untung bersih iaitu daripada RM22.4 juta (tahun 2014) kepada RM28 juta (tahun 2019). Syarikat beliau menjadikan kegiatan memproses makanan dan hasil pertanian di Thailand sebagai rujukan untuk mencapai kejayaan di dalam perniagaan makanan. Ini mendorong beliau untuk mendirikan kilang memproses tepung ubi kanji di tanah seluas 2.3 hektar berhampiran tapak kilangnya menjelang 2025.

10. Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Mengapakah Encik Razali memilih pemilikan perniagaan di atas? (4 markah)
- (b) (i) Terangkan sumber pembiayaan yang diperolehi Encik Razali. (2 markah)  
(ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di 10 (b) (i) (4 markah)
- (c) Jelaskan campuran pemasaran yang terdapat dalam Syarikat PRM Food & Marketing Sdn Bhd. (8 markah)
- (d) Kirakan peratus margin untung bersih Syarikat PRM Food & Marketing Sdn Bhd bagi tahun 2019. (2 markah)

**\*\*\*\*\*SOALAN TAMAT\*\*\*\*\***

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(Nuri binti Dolah)  
Ketua Panitia Perniagaan

\_\_\_\_\_  
(Marie Wong)  
Ketua Bidang Vokasional & Teknik